

Rekontruksi Tegasan Kuno di Kawasan Penjom, Kuala Lipis, Pahang Berdasarkan Data Mesoskopis Gelinciran Sesar

HERU SIGIT PURWANTO, IBRAHIM ABDULLAH & JUHARI MAT AKHIR

Program Geologi, Fakulti Sains dan Teknologi
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Geologi kawasan Penjom, Kuala Lipis sangat menarik, terutama struktur geologi yang mengawal geologi kawasan tersebut. Kajian terperinci dilakukan di kawasan lombong daripada syarikat "Penjom Gold Mine" yang mempunyai singkapan batuan yang sangat baik. Kawasan Penjom secara dominan terdiri daripada tuf, tuf lapili, batu pasir, batu lodak dan syal daripada Formasi Gua Musang. Di beberapa tempat terdapat batuan sedimen agak berkarbon dan batuan berusia Perm Akhir direjahi oleh mikrogranit dan telerang kuarza. Tren struktur utama kawasan ini ialah U-S dan TL-BD. Tren tersebut dipotong oleh beberapa zon sesar, sama ada sesar ricih atau sesar mendatar. Kebanyakan sesar yang bersudut curam berarah $U355^{\circ}-005^{\circ}T$ atau hampir Utara Selatan dan $U300^{\circ}-310^{\circ}T$ atau Baratlaut-Tenggara menunjukkan gerakan atau gelincir ke kanan, manakala yang berarah $U035^{\circ}-045^{\circ}T$ atau Timurlaut-Baratdaya menunjukkan gelincir ke kiri. Sejarah tegasan atau tegasan kuno yang beroperasi pada masa atau selepas pembentukan sesar ditentukan oleh pergerakan atau gelincir yang berlaku di atas satah sesar berkenaan dengan menggunakan semua maklumat yang didapati daripada data struktur meso yang diperhatikan di atas satah sesar. Sejarah tegasan kuno yang telah bertindak ditentukan berdasarkan perkaitan saling memotong antara satah-satah sesar yang terdapat. Berdasarkan kepada data gelinciran sesar (satah sesar, tukikan dan arah tukikan), disimpulkan bahawa dua tegasan kuno yang awal merupakan tegasan mampatan, masing-masing bertindak dari UTL-SBD ($\sigma_1 = 17^{\circ}-22^{\circ} \rightarrow U203^{\circ}-209^{\circ}T$) dan U-S ($\sigma_1 = 13^{\circ}-14^{\circ} \rightarrow U182^{\circ}-204^{\circ}T$), diikuti oleh keadaan ekstensi ke arah TTG-BBL ($\sigma_3 = 66^{\circ} \rightarrow U137^{\circ}T$). Akhir sekali kawasan ini mengalami keadaan mampatan dari arah BL-TG ($\sigma_1 = 14^{\circ}-21^{\circ} \rightarrow U324^{\circ}-326^{\circ}T$).
